

BAHASA MELAYU TAHUN 6
KELAB SAHABAT ALAM

Sila buat rujukan dalam buku teks muka surat 137

Susun urutan surat kiriman ini menjadi sebuah surat kiriman yang lengkap.

1	2	3	4	5	6	7	8	9
---	---	---	---	---	---	---	---	---

No	Draf Karangan
	Tuan, Penggunaan Bahan Polisterina
	Kelab Sahabat Alam, Kampung Terap, 09800 Serdang, Kedah.
	Encik Mohd Izzul bin Harun, Ketua Kampung Mukim Terap, 09800 Sedang, Kedah. 28 OGOS 2021
	4. Berdasarkan keputusan mesyuarat, pihak kami mencadangkan agar penggunaan pinggan mangkuk berasaskan ubi kayu dan hampas tebu dalam semua majlis yang dianjurkan. Penggunaan produk ini mesra pengguna dan alam kerana boleh terus dimakan dan tidak berbahaya kepada kesihatan. Jika dibuang bahan tersebut mudah reput dan lupus dalam masa yang singkat.
	Yang menjalankan tugas, (AZMAN BIN ADNAN) Setiausaha, Kelab Sahabat Alam, Kampung Terap
	Kerjasama daripada pihak tuan amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.
	3. Pihak Sahabat Alam amat berbesar hati untuk bekerjasama memantau tahap pencemaran di kampung ini. Kami sentiasa bersedia untuk menghulurkan sebarang bantuan demi kesejahteraan penduduknya.
	Merujuk perkara di atas, saya Azman bin Adnan, Setiausaha kelab Sahabat Alam ingin memaklumkan kepada tuan bahawa mesyuarat telah membuat keputusan sebulat suara menolak penggunaan beg plastik dan produk berasaskan polisterina dalam semua majlis keramaian.
	2. Untuk makluman tuan, bahan berasaskan polisterina sukar untuk dilupuskan. Pihak kami mendapati orang tidak prihatin terhadap kebersihan kerana membuang pinggan dan cawan polisterina di merata-rata tempat.